



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


20 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 256 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 245,079 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Beaufort dan satu (1) lagi kes di Lahad Datu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 223 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 237,297 orang. Manakala 629 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 342 orang di hospital, 279 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 28 orang merangkumi 25 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (28.21%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat, Nabawan, dan Tongod berubah dari zon jingga ke zon kuning manakala Kinabatangan berubah dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sejumlah 86 kes baharu daripada empat (4) Kluster di Sabah mengakibatkan kes harian melambung tinggi kepada 256 kes hari ini. Jumlah ini merupakan 14 kes lebih tinggi daripada catatan kelmarin.
- b. Hari ini satu (1) lagi kluster ‘institusi pendidikan’ telah diisyiharkan di daerah Putatan. Kluster Pandan Pandan melibatkan seorang guru madrasah (kes indeks) berumur 53 tahun yang mengajar di Madrasah Darul Hadis, Kg Pandan Pandan, Putatan. Beliau yang mengalami gejala batuk, demam dan selesma menjalani saringan PCR pada 17 Januari 2022 dan disahkan positif COVID-19. Saringan keatas kontak rapat yg terdiri daripada keluarga kes indeks, kakitangan dan pelajar-pelajar madrasah mendapati 15 orang lagi telah dijangkiti menjadikan jumlah keseluruhan yang positif dalam Kluster ini sebanyak 16 orang. Sebanyak 14 kes baharu dilaporkan hari ini.
- c. Punca peningkatan kes baharu dalam beberapa hari kebelakangan ini banyak berpunca daripada kemunculan kluster-kluster baharu di beberapa daerah. Selain daripada Kluster Pandan Pandan Putatan (+14), kluster Jalan Pertukangan Sandakan (+9), kluster Puri Ranau (+9) dan kluster Sungai Trayon Kinabatangan (+54) merupakan penyumbang besar kes harian di Sabah dan hari ini berjumlah 86 kes.
- d. Kemunculan kluster dibeberapa daerah mempengaruhi jumlah kes harian di daerah-daerah tersebut. Jumlah kes di Kinabatangan melonjak tinggi kepada 55 kes hari ini daripada satu (1) kes sahaja semalam kerana penambahan 54 kes baharu daripada Kluster Sungai Trayon, Putatan 21 (+16) dan Ranau 12 (+6). Penstabilan Kluster Jalan Pertukangan Sandakan pula mengurangkan kes harian di daerah tersebut daripada 74 kes semalam kepada 12 kes (-62) sahaja hari ini.

- e. Jumlah kanak-kanak positif COVID-19 bawah umur 12 tahun yang dicatat hari ini agak tinggi, iaitu 38 orang atau hampir 15% daripada jumlah kes keseluruhan. Sementara itu 29 orang (11.3%) pesakit baharu yang didaftar hari ini didapati belum menerima vaksin. Kedua statistik ini adalah satu gambaran bahawa masih ada dikalangan masyarakat yang cuai dengan mendedahkan anak-anak kecil mereka kepada risiko jangkitan virus COVID-19 sedangkan mereka belum layak divaksin; dan masih ramai orang yang sepatutnya layak menerima vaksin pula belum atau enggan divaksin.
- f. Daripada 256 kes baharu hari ini, seramai 252 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) orang dalam Kategori 3 dan seorang dalam Kategori 5.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (90) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	86	33.59%
2	Bergejala	61	23.83%
3	Kontak	90	35.16%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	19	7.42%
JUMLAH		256	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 19/01/2022	Catatan Kes 20/01/2022	Perbandingan
1	Kinabatangan	1	56	+55
2	Putatan	5	21	+16
3	Kota Kinabalu	33	45	+12
4	Ranau	6	12	+6
5	Tuaran	23	28	+5
6	Papar	13	18	+5
7	Kota Marudu	6	10	+4
8	Pitas	0	3	+3
9	Lahad Datu	2	4	+2
10	Kudat	0	1	+1
11	Penampang	18	18	Mendatar
12	Nabawan	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Kunak	0	0	Mendatar
15	Kalabakan	0	0	Mendatar
16	Sandakan	74	12	-62
17	Kota Belud	12	4	-8
18	Tambunan	7	1	-6
19	Beluran	7	2	-5
20	Sipitang	6	2	-4
21	Tawau	6	3	-3
22	Kuala Penyu	4	2	-2
23	Beaufort	7	6	-1
24	Keningau	7	6	-1
25	Tenom	3	2	-1
26	Semporna	1	0	-1
27	Telupid	1	0	-1
JUMLAH		242	256	+14

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (6 Januari – 19 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kinabatangan	54	2	0	0	0	56	88
Kota Kinabalu	0	28	14	0	3	45	631
Tuaran	0	22	2	0	4	28	313
Putatan	14	3	3	0	1	21	93
Penampang	0	8	6	0	4	18	288
Papar	0	8	10	0	0	18	198
Sandakan	9	0	3	0	0	12	182
Ranau	9	2	1	0	0	12	242
Kota Marudu	0	2	5	0	3	10	113
Keningau	0	1	5	0	0	6	146
Beaufort	0	2	3	0	1	6	83
Kota Belud	0	3	1	0	0	4	158
Lahad Datu	0	2	1	0	1	4	29
Tawau	0	1	2	0	0	3	72
Pitas	0	0	3	0	0	3	15
Beluran	0	2	0	0	0	2	38
Sipitang	0	2	0	0	0	2	51
Kuala Penyu	0	1	1	0	0	2	77
Tenom	0	1	1	0	0	2	82
Tambunan	0	0	0	0	1	1	103
Kudat	0	0	0	0	1	1	20
Telupid	0	0	0	0	0	0	24
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	7
Kunak	0	0	0	0	0	0	5
Tongod	0	0	0	0	0	0	18
Nabawan	0	0	0	0	0	0	20
JUMLAH	86	90	61	0	19	256	3,103

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Puri Ranau	9
Putatan	Kluster Pandan Pandan	14
Kinabatangan	Kluster Sungai Trayon	54
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	9
Jumlah		86

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Pandan Pandan - Putatan berlaku di Madrasah Darul Hadis Sabah yang terletak di Kg Pandan Pandan, Mukim Pasir Putih, Daerah Putatan. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 53, merupakan guru madrasah yang mula bergejala demam, batuk, selsema dan sakit badan pada 17 Januari 2022. Kes indeks yang melakukan saringan pada hari yang sama, didapati positif RT PCR dan telah dikuarantin serta diberikan rawatan lanjut. Saringan terhadap kontak rapat mendapati 15 orang telah disahkan positif terdiri daripada keluarga kes indeks, kakitangan dan pelajar, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes termasuk 14 kes baharu yang dilaporkan pada hari ini. Semua kes positif telah dikuarantin dan menerima rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,775 unit

- Hospital 1,178 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.66%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	255
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	256

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	211
Bukan Malaysia	45
Jumlah	256

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	38
Belum Menerima Vaksin	29
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	169
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	20
Jumlah	256

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	12
6 to 11	21
12 to 17	51
18 to 25	41
26 to 59	113
>60	13
Jumlah	256

**C SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4
SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA BERMULA 31 JANUARI 2022
HINGGA 15 FEBRUARI 2022**

SOP rumah ibadat bukan Islam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 sambutan perayaan Tahun Baharu Cina bermula 31 Januari 2022 hingga 15 Februari 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 19 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,684 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,593 orang adalah penduduk dewasa dan 91 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 19 Januari 2022 adalah seramai 2,453,183 orang. Ini meliputi 2,116,136 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.72% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,408,929 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,460 orang atau 76.00% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,047 orang atau 77.66% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,469 atau 72.00% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,002** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,864 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 53 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- Tiga (3) Orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 201 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 877 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 553 premis perniagaan dan 786 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 347 Premis Perniagaan melibatkan 159 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 81 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 68 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.5%
2	Kunak	98.5%
3	Lahad Datu	98.5%
4	Kudat	98.5%
5	Kinabatangan	98.5%
6	Beluran	98.4%
7	Sandakan	98.3%
8	Papar	98.2%
9	Sipitang	98.2%
10	Kota Kinabalu	98.2%
11	Keningau	98.2%
12	Beaufort	98.2%
13	Kota Belud	98.2%
14	Ranau	98.2%
15	Tuaran	98.2%
16	Tawau	98%
17	Penampang	98%
18	Tenom	98%
19	Kota Marudu	97.9%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

LAMPIRAN A

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT		
SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHRU CINA (31/01/2022 HINGGA 15/02/2022) (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN		
BIL	AKTIVITI	PERKARA
31 JANUARI 2022 (ISNIN)		
1	Makan besar keluarga (<i>Family Reunion Dinner</i>).	DIBENARKAN.
01 FEBRUARI 2022 (SELASA) DAN 02 FEBRUARI 2022 (RABU)		
2	Upacara sembahyang.	DIBENARKAN dengan SOP seperti dalam Lampiran 1
08 FEBRUARI 2022 (SELASA) DAN 09 FEBRUARI 2022 (RABU) (Sembahyang khas Hokkien Clan)		
3	Sembahyang Khas Hokkien Clan	<ol style="list-style-type: none">DIBENARKAN di rumah ibadat bukan Islam dengan SOP seperti dalam Lampiran 1DIBENARKAN di halaman rumah pada waktu malam mengikut tradisi masing-masing
15 FEBRUARI 2022 (SELASA)		
4	Sembahyang Chap Goh Mei	DIBENARKAN dengan SOP seperti dalam Lampiran 1

Tarikh dikemaskini: 20 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA (31/01/2022 HINGGA 15/02/2022) (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

AKTIVITI ZIARAH

BIL	AKTIVITI	PERKARA
31 JANUARI 2022 HINGGA 15 FEBRUARI 2022		
1	Aktiviti kunjung-mengunjungi.	DIBENARKAN.
2	Resepsi Tahun Baharu Cina (<i>Chinese New Year Reception</i>)	1. DIBENARKAN dengan jemputan sahaja. 2. Ketua Rumah menyediakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran. 3. Ketua Rumah merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran. 4. Rumah terbuka TIDAK DIBENARKAN. 5. Kehadiran jemputan 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal 1 meter. 6. Orang awam tanpa jemputan TIDAK DIBENARKAN hadir.

Tarikh dikemaskini: 20 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA (31/01/2022 HINGGA 15/02/2022) (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

PERSEMBAHAN TARIAN NAGA / UNICORN / SINGA / HARIMAU

AKTIVITI	PERKARA
31 JANUARI 2022 HINGGA 15 FEBRUARI 2022	
Persembahan Tarian Naga / Unicorn / Singa / Harimau	DIBENARKAN dengan syarat-syarat seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">1. Kumpulan pemuzik dan pemain persembahan Tarian Naga / Unicorn / Singa / Harimau telah lengkap divaksin.2. Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun TIDAK DIBENARKAN ikut sama dalam persembahan.3. Penjarakan fizikal 1 meter dikalangan tetamu perlu dipatuhi.4. Pemakaian pelitup muka diwajibkan.5. Pergerakan kumpulan persembahan sepanjang tempoh sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina tertakluk kepada kebenaran pihak polis.

Tarikh dikemaskini: 20 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHRU CINA BERMULA 31/01/2022 HINGGA 15/02/2022
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa ketibaan di Rumah Ibadat Bukan Islam sebelum upacara sembahyang.	6.00 pagi - 10.00 malam Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 2 jam dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 30 minit sebelum waktu sembahyang dimulakan atau sesi berikutnya Terhad kepada 50% kapasiti ruang rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter	Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) menyediakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran AJKP merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku log kehadiran AJKP menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan rekod kehadiran penganut Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan hand sanitizer atau sabun dan air (jika ada disediakan) AJKP dan penganut yang telah lengkap divaksin sahaja dibenarkan AJKP WAJIB pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun hanya dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin.	AJKP dan penganut yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir AJKP dan penganut DIWAJIBKAN membawa peralatan sembahyang sendiri AJKP perlu melakukan pembersihan dan sanitasi rumah ibadat selepas setiap sesi sembahyang AJKP hendaklah memastikan penganut telah lengkap divaksin dengan memberikan kanak-kanak mereka ikut hadir.	AJKP dan penganut bersalamans dan berpelukan di rumah ibadat Bukan Islam AJKP dan penganut yang belum lengkap divaksin AJKP dan penganut yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas Upacara atau perarakan keagamaan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan Perkongsian peralatan sembahyang oleh AJKP dan penganut.

Tarikh dikemaskini: 20 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA BERMULA 31/01/2022 HINGGA 15/02/2022
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) semasa berada di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam.	6.00 pagi - 10.00 malam Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 2 jam dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 30 minit sebelum waktu sembahyang dimulakan atau sesi berikutnya Terhad kepada 50% kapasiti ruang rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang Aktiviti keagamaan dibenarkan.	Pematuhan SOP diwajibkan Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.	Aktiviti berkumpulan penganut di dalam rumah ibadat bukan Islam Bersalaman dan berpelukan di dalam rumah ibadat bukan Islam Berkongsi peralatan dan bahan sembahyang.

Tarikh dikemaskini: 20 Januari 2022



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)
SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA BERMULA 31/01/2022 HINGGA 15/02/2022
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM Semasa keluar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam	6.00 pagi - 10.00 malam Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 2 jam dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 30 minit sebelum waktu sembahyang dimulakan atau sesi berikutnya Terhad kepada 50% kapasiti ruang rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa Mewajibkan penjarakan fizikal Cara keluar rumah ibadat mestilah tertib dan mengikut penjarakan fizikal Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJKP) perlu memastikan penganut telah beredar selepas sembahyang AJKP perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebaik sahaja acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi sebelum sesi sembahyang seterusnya Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>).	Pematuhan SOP diwajibkan. AJKP perlu bersurai dalam keadaan tertib.	Kehadiran penganut dan AJKP berkumpul, berhimpun, bersalaman dan berpelukan di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam AJKP dan penganut yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas AJKP memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam.

Tarikh dikemaskini: 20 Januari 2022